

Korban gempa China 60,000

B.M 25/05/08 M/S 43

Wen Jiabao bimbang angka kematian mungkin cecah lebih 80,000

YINGXIU: Angka kematian akibat gempa bumi China sudah melebihi 60,000 orang dan mungkin mencecah 80,000 orang atau lebih, kata Perdana Menteri, Wen Jiabao semalam ketika beliau dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Ban Ki-moon melawat kawasan bencana.

Jumlah yang dianggarkan Wen adalah kenaikan mendadak melebihi 55,740 kematian yang dilaporkan sebelum ini oleh kerajaan selepas gempa 12 Mei lalu.

"Angka kematian melebihi 60,000 orang," kata Wen kepada media di bandar paling teruk terjejas berhampiran pusat gempa mengenai bencana alam itu. "Ia mungkin meningkat ke paras 70,000, 80,000 atau lebih."

Pengumuman itu ketika pakar melakukan pencarian di sekitar 15 kawasan punca radiasi yang terbenam di dalam runtuhan dan mereka yang terselamat berpindah ke kawasan di pinggir sungai yang tertambak akibat tanah runtuh.

Dengan air penuh bertakung, sungai yang tersekat itu mungkin memecahkan penghadang di sekelilingnya, bahaya yang mungkin menanti jika hujan lebat atau gempa susulan.

Pekerja penyelamat berusaha men-

Namun jumlah sumber tidak dilindungi lebih tinggi berbanding yang dilaporkan dua agensi awal minggu ini. China berkata, semua kemudahan nuklearnya selamat - jaminan yang berulang kali diberi Wu - dan pakar asing berkata, bahan radiasi tidak dilindungi kemungkinan digunakan hospital dan kilang atau bagi tujuan penyelidikan.

Pencarian bahan radiasi dan perpindahan penduduk yang diancam banjir menunjukkan bagaimana situasi berbahaya itu dibiarkan hampir dua minggu selepas kejadian gempa.

Malah, ketika usaha membawa bantuan ke kawasan yang musnah, kerajaan mengalihkan perhatian terhadap pembinaan semula jangka panjang dan jauh daripada pencarian mereka yang terselamat serta mangsa di sebalik runtuhan.

"Sebelum ini, keutamaan kami ialah pencarian dan misi menyelamatkan penduduk yang terjejas. Keutamaan kami kini ialah menempatkan semula penduduk yang terselamat dan membuat perancangan bagi pembinaan semula selepas gempa," kata Wen.

Gempa itu memusnahkan lebih 15 juta kediaman, menurut Wen. Katanya, kerajaan sudah memulakan usaha pantas membina perumahan sementara, bersama dengan



TURUN PADANG: Ban Ki-moon (kiri) meninjau sebuah sekolah yang ranap akibat gempa bumi di Wenchuan, kelmarin.

cepatkan khemah, makanan dan penjagaan kesihatan kepada mereka yang kehilangan tempat tinggal. Wen berkata, kerajaan memerlukan 900,000 khemah dan menggesa pengeluaran China menghasilkan 30,000 unit sehari.

Kementerian Perlindungan Alam Sekitar berkata pakar daripada Pentadbiran Keselamatan Nuklear Kebangsaan cuba melindungi 15 “summer” radiasi tidak dijelaskan.

Kira-kira 50 sumber potensi radiasi tertimbus di sebalik runtuhannya, kata Timbalan Menteri Alam Sekitar Wu Xiaoping kelmarin di Beijing. Ketika 35 daripada sumber itu dilindungi, 15 lagi masih tertimbus di bawah runtuhannya bangunan dan kediaman, dan walaupun dikesan, agak sukar untuk mendekatinya, katanya.

Wu berkata, radiasi itu tidak bocor

mahan sementara, lengkap dengan sekolah dan pusat pengumpulan sampah.

Kira-kira 10,000 pekerja perubatan dikerahkan untuk mencegah wabak penyakit, kata Wen.

“Cabaran kedua terbesar yang dihadapi kami ialah kawalan dan pencegahan epidemik. Saya boleh beritahu anda tiada wabak epidemik berlaku setakat ini,” kata Wen.

Katanya jika berlakunya wabak “Saya boleh memberi jaminan kami akan menguruskannya secara telus.”

Sementara itu, Ban berjanji untuk membantu dalam pembinaan semula dan berkata badan dunia itu sedang menunggu penilaian China mengenai apa yang diperlukannya.

“Keutamaan kami kini ialah menempatkan semula penduduk yang terselamat dan membuat perancangan bagi pembinaan semula selepas gempa”

Wen Jiabao
Perdana Menteri China

“Jika kita bekerja kuat, kita dapat mengatasinya,” kata Ban sambil Wen berdiri di sebelahnya. “Seluruh dunia berdiri di belakang anda dan menyokong anda.”

Seorang pegawai tentera China membawa Ban melawat Yingxiu, kira-kira 60 kilometer tenggara dari pusat gempa.

Kira-kira 4,800 daripada 18,000 penduduk bandar itu terbunuh dan 4,000 lagi masih hilang, kata pegawai kepada Ban. Kebanyakan bangunan di bandar itu runtuh dan yang masih teguh berdiri rosak teruk. Wartawan yang membuat liputan boleh melihat kakitangan kerajaan memakai pakaian pelindung berwarna putih menyembur penyahkuman di atas runtuhannya.

Timbalan Gabenor Sichuan Li

Chengyun berkata wilayah itu akan mensasarkan pembinaan jalan dan bandar itu dalam tempoh tiga tahun.

Beijing mengarahkan wilayah dan bandar kaya di China untuk membantu kawasan yang terjejas teruk akibat gempa dan mula menghantar bantuan segera terutama khemah dan air minuman.

Seramai 9,000 orang yang cedera akan dipindahkan ke wilayah lain, kata Li. Beliau berkata, lebih ramai ahli psikologi diperlukan untuk membantu mereka yang terselamat menjalani hidup terutama kanak-kanak yang menjadi yatim piatu akibat gempa serta pelajar yang melihat ramai rakan sekelas mereka maut akibat ditimpa runtuhannya sekolah. – AP

12 peratus mangsa guru, pelajar

BEIJING: Hampir 12 peratus daripada mereka yang terbunuh di wilayah barat daya China di Sichuan akibat gempa bumi kuat 12 Mei lalu adalah pelajar dan guru, tertimbus akibat ditimpa runtuhannya bangunan sekolah, lapor Beijing News semalam.

Jumlah kematian akibat gempa itu sudah melebihi 55,000 orang dan akhbar berkata sekurang-kurangnya 6,581 daripada mereka adalah pelajar

dan guru, memetik ketua pejabat pendidikan wilayah Tu Wentao sebagai berkata.

Gempa itu memusnahkan 13,451 sekolah, kata Tu dan sebagai tambahan terhadap mereka yang terbunuh, sekolah mendaftarkan sejumlah 8,810 cedera dan 1,274 masih hilang di seluruh wilayah itu lewat Rabu lalu.

Gegaran kuat berlaku awal tengah hari ketika ramai kanak-kanak se-

dang belajar atau terlina seketika, menyumbang tambahan angka kematian.

Kerajaan sudah melancarkan siasatan ke atas sejumlah besar sekolah yang runtuh serta membunuh dan menimbus ribuan yang lain apabila kebanyakan bangunan berhampiran masih teguh berdiri.

Kematian di sekolah menambah kemarahan ibu bapa yang menuduh pihak berkuasa mengambil jalan pin-

tas serta gagal memenuhi standard keselamatan. Minggu lalu, menteri perumahan menyatakan kemungkinan pemotongan kos menjadi puncanya.

Setengah ibu bapa turut mendakwa pintu kecemasan ditutup atau dikunci atau mencetak kain rentang mengatakan anak mereka terbunuh “bukan akibat bencana alam tetapi oleh bangunan tidak selamat”. – Reuters

FAKTA NOMBOR

Gempa bumi di China

6,581

Mangsa dari kalangan pelajar, guru

13,451

Sekolah musnah